

U. M. - 6 AUG 1971

PULAU PINANG 5 Ogos — Dr. Mahathir bin Mohd. Iskandar hari ini menimbulkan kenapa hanya penuntut2 Melayu sahaja yang dirasok hantu dan tidak penuntut2 kaum lain.

Menurut beliau, kejadian seperti ini yang berlaku di-beberapa buah sekolah baru2 ini adalah akibat dari salah didekan ibu bapa yang sering menakutkan anak2 mereka dengan keperchayaan karut yang mana mendatangkan kesan mendalam di jiwa kanak2 itu.

Kata-nya, di-sebabkan keperchayaan kepada perkara2 yang bukan2 itu timbul satu jenis penyakit yang di-namakan "HYSTERIA" dalam ilmu perubatan.

Ini menyebabkan pengidap-nya berkelakuan tidak siuman dan tidak sedarkan diri bila mereka terperanjat atau oleh satu2 keadaan yang menchemaskan, kata-nya.

"Perkara seperti ini tidak berlaku dalam masyarakat bukan Melayu di-mana ibu bapa tidak pernah menakutkan anak2 dengan cerita2 karut hantu sa-masa kanak2 itu kecil", tegas beliau.

Doktor Mahathir menyatakan demikian dalam cheramah-nya kepada 600 orang wakil dan pemerhati persidangan agong keempat Gerakan Belia 4-B Malaysia di-Dewan Sekolah Menengah George Town disini malam tadi.

Beliau menggesa orang2 Melayu terutama ibu bapa supaya meniggalkan perbuatan menakutkan anak2 dengan cerita2 yang bukan2 itu "kalaupun sa-kira-nya hendak maju."